

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 APRIL 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6

Susun strategi basmi miskin tegar 2025



ISMAIL SABRI (kanan) mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan RMK-12 secara dalam talian di Putrajaya semalam.

Susun strategi basmi miskin tegar 2025

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

PUTRAJAYA — Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan bahawa Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (DE) Asas 2022 setakat 15 April 2022 adalah pada kadar 18.33 peratus.

Beliau berkata, perkara tersebut dimaklumkan menerusi mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) pertama tahun ini yang telah dipengerusikannya semalam.

Menurutnya, Jawatankuasa Pemudahcara Pelaksanaan Projek Pembangunan Negara (JP4N) telah diwujudkan bagi menangani cabaran-cabaran utama dalam pengagihan DE.

"Mesyuarat bersetuju supaya Ketua Setiausaha semua kementerian melaporkan status perbelanjaan DE kepada Menteri masing-masing pada setiap bulan supaya tindakan segera dapat diambil bagi mempercepatkan pelaksanaan projek.

"Selaras dengan RMK-12, kera-

jaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi pada 2025," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mesyuarat berkenaan turut dihadiri empat Menteri Kanan serta Ketua Jabatan dan Agensi yang terlibat secara dalam talian.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, mesyuarat itu telah meluluskan rangka kerja untuk memantau prestasi beberapa petunjuk untuk mencapai sasaran tersebut.

Katanya, petunjuk tersebut merangkumi tiga komponen iaitu kemakmuran, inklusiviti dan kemampuan.

Beliau memaklumkan, ia termasuklah pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pendapatan isi rumah; peningkatan daya saing dan produktiviti serta peningkatan sumbangan industri berimpak tinggi kepada ekonomi.

Juga termasuk dalam komponen berkenaan, ujar beliau, adalah pembasmyan kemiskinan tegar; pembangunan negeri yang seimbang serta kemampuan dan daya tahan alam sekitar.

"Mesyuarat juga membincangkan strategi membasmikan miskin tegar menjelang tahun 2025. Fasa 1 Program Pembasmyan Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMT-KM) yang bermula pada bulan ini melibatkan 80 lokality dan kira-kira 5,000 ketua isi rumah (KIR).

"Secara keseluruhannya, sebanyak 1,000 lokality akan dipilih untuk pelaksanaan BMTKM sehingga penghujung 2025," katanya.

Ismail Sabri berkata, pelaksanaan BMTKM menggunakan pendekatan baharu yang lebih holistik, bersepadu dan berfokus dengan memberi tumpuan kepada aktiviti penjanaan pendapatan dalam kalangan KIR miskin tegar secara mampan.

"Mesyuarat juga dimaklumkan berkenaan Perancangan Projek Tebatan Banjir yang bernilai RM15 bilion bagi tempoh lapan tahun (2023 hingga 2030).

"Kaedah pembiayaan projek-projek ini sedang diperincikan oleh Kementerian Kewangan. Perancangan secara holistik ini merangkumi projek jangka masa pendek atau sederhana dan panjang," katanya.